



MOHD NAZRI

Pesta Ang Pau  
UPM kali  
ke-13 bermula  
9 Mac ini

MUHAMAD SAFWAN FADZIL

**S**ERDANG - Usaha memperkenalkan dan mengekalkan kebudayaan kaum Cina diteruskan Persatuan Seni Budaya Zhong Hua Universiti Putra Malaysia (UPM) yang akan menganjurkan Pesta Ang Pau UPM kali ke-13 bermula 9 Mac ini.

Pengarah Program, Pang Way Ken berkata, program tahunan terbesar persatuan itu akan berlangsung hingga 13 April ini dan akan dipenuhi dengan pelbagai pengisian termasuk karnival dan persembahan pentas.

“Dengan mengangkat tema ‘Faithful Resilience’, kami harap budaya Cina kekal

# Perkenalkan keunikan seni budaya Zhong Hua



Mohd Nazri Noh (tiga, kanan) menyempurnakan gimik perasmian Program Pesta Ang Pau UPM kali ke-13.

terpelihara dan mewujudkan suasana meriah Tahun Baharu Cina dalam kampus.

“Walaupun berbeza latar belakang, kami mempunyai satu matlamat yang sama iaitu berjuang untuk mengekalkan warisan budaya dan menyatukan mahasiswa-mahasiswi UPM,” katanya.

Sementara itu, Ketua Pentadbiran Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UPM, Mohd Nazri Noh berkata, program tahunan ini diharap mampu mewujudkan suasana harmoni dalam kampus.

“Penganjuran program seperti ini dapat mewujudkan suasana persefahaman dan sikap bertolak ansur dalam kalangan ahli jawatankuasa program dan pelajar lain.

“Kepentingan dan amalan dalam sambutan Perayaan Tahun Baharu Cina dapat diperkenalkan secara meluas kepada generasi muda terutama mahasiswa-mahasiswi UPM,” katanya.

Maklumat lanjut program ini boleh didapati di laman Facebook Pesta Ang Pau UPM.